



DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menerima kunjungan orang ramai pada majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di kediaman mereka di Mines Resort City, Seri Kembangan dekat Kuala Lumpur, semalam.

# Mahathir sambut raya sebagai rakyat biasa

UM-16/11/2004: 3 Perdana

**K**UALA LUMPUR 15 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pertama kali menyambut hari raya di rumah sendiri selepas meletakkan jawatan Perdana Menteri tahun lalu berkata, beliau gembira kerana berpeluang melayan tetamu dengan bebas tanpa sebarang ikatan protokol.

Pada masa yang sama beliau turut melahirkan kesyukuran kerana dapat menyambut Aidilfitri bersama keluarga, saudara-mara dan sahabat-handai seperti rakyat biasa yang lain pada hari raya kali ini.

"Jika dulu semasa saya menjadi Perdana Menteri, semuanya perlu ikut protokol. Tahun lalu pula selepas bersara saya menyambut Aidilfitri di luar negara.

"Jadi inilah kali pertama saya dapat menyambut Aidilfitri dalam keadaan meriah dikelilingi keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai," jelas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditemui pada majlis rumah terbuka beliau di kediamannya yang terletak di Mines Resort City, Seri Kembangan di sini hari ini.

Beliau berkata, sebahagian besar daripada tetamu turut mengucapkan terima kasih di atas jasa yang beliau curahkan ketika memimpin negara selama 22 tahun.

"Saya berharap Malaysia akan terus aman dan maju serta bertambah baik dan cemerlang di masa akan datang," tambahnya.

Sementara itu, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pula berkata, beliau gembira dapat membeli

dan memilih sendiri juadah yang dihidangkan kepada para tetamu pada majlis rumah terbuka kali ini.

"Jika dulu semuanya akan diatur dan disediakan oleh Pejabat Perdana Menteri. Kini saya boleh membuat pilihan mengikut cita rasa sendiri.

"Saya juga sungguh gembira dapat berkumpul bersama anak, menantu dan besan pada hari raya pertama semalam," jelas Dr. Siti Hasmah.

Bagaimanapun, katanya, beliau berasa sedih mengenangkan nasib umat Islam di Palestin dan Iraq yang tidak berpeluang menyambut Aidilfitri dengan sempurna dan gembira.

Kira-kira 10,000 terdiri daripada rakyat segenap lapisan dan pelbagai kaum mengunjungi ru-

mah terbuka hari raya Dr. Mahathir pada hari ini.

Turut melayan tetamu ialah anak-anak Dr. Mahathir iaitu, Datuk Paduka Marina, Datuk Mukhriz, Datuk Mokhzani dan Mirzan.

Para hadirin dilihat tidak melepaskan peluang untuk bergambar dengan Dr. Mahathir, Dr. Siti Hasmah dan anak-anak mereka.

Kenamaan yang hadir termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Noh Omar; bekas Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng serta bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan, Datuk S. Subramaniam. /